

GUIDELINES ON THE USE OF ISLAMIC MEDICAL EXPERTS AS AN EXPLANATION OF EXPERT OPINIONS FOR MAGIC CRIME CASES

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN PAKAR PENGUBATAN ISLAM SEBAGAI SUATU KETERANGAN PENDAPAT PAKAR BAGI KES JENAYAH SIHIR

Muna bin Hamzan

Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Terengganu, Malaysia

Abstract

This study aims to guide the Shariah judiciary, especially the Prosecution Department and the judges, in determining Islamic medical experts as an expert opinion to be adopted in the trial for cases of magic crimes in Shariah courts. These Guidelines will also be the basis of reference and guidance to the state Islamic religious department (JAIN) and government agencies such as the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) related to certified Islamic medical experts. This study will discuss the conditions Ruqyah Syar'iyyah in Islamic medicine, the pillars Ruqyah Syar'iyyah in Islamic medicine, ethics of Islamic medicine practitioners, the conditions of Islamic medical practitioners in brief. In addition, this study also highlights the principles of Islamic treatment and etiquette of Islamic treatment practices. The methodology used in this study is a library study that is a list of documents such as books and articles. It is hoped that these guidelines can also provide understanding and explanation to Muslims in this country on the conditions and ethics of Islamic medicine. In addition, it aims to identify true practitioners of Islamic medicine and coincide with the standards of Islamic requirements in the hope that the Muslim community will seek and receives treatment services from real practitioners of Islamic medicine. This step must be played collectively by all authoritative

parties to introduce the true practice of Islamic medicine and comply with the principles of faith and Islamic law.

Keywords: *Islamic Medical Specialist, Magic Criminal Cases*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memberi panduan kepada badan kehakiman Syariah khususnya pihak Jabatan Pendakwaan dan pihak hakim dalam menentukan pakar pengubatan Islam sebagai suatu keterangan pendapat pakar untuk diterimapakai dalam perbicaraan bagi kes jenayah sihir di mahkamah Syariah. Garis Panduan ini juga akan menjadi asas rujukan dan panduan kepada jabatan agama Islam negeri (JAIN) dan agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkaitan dengan pakar pengubatan Islam yang bertauliah. Objektif kajian ini akan membincangkan syarat-syarat Ruqyah Syar'iyyah dalam pengubatan Islam, rukun-rukun Ruqyah Syar'iyyah dalam perubatan Islam, etika pengamal pengubatan Islam, syarat pengamal pengubatan Islam secara ringkas. Selain itu, kajian ini juga mengetengahkan prinsip-prinsip perawatan Islam dan etika amalan perawatan Islam. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti buku-buku dan artikel-artikel. Adalah diharapkan garis panduan ini juga dapat memberi kefahaman dan penjelasan kepada umat Islam di negara ini mengenai syarat dan etika pengubatan Islam. Selain itu, ianya bertujuan untuk mengenalpasti pengamal pengubatan Islam yang sebenar dan bertepatan dengan piawaian kehendak Syarak dengan harapan supaya masyarakat Islam mencari serta menerima khidmat rawatan daripada pengamal pengubatan Islam yang sebenar. Langkah ini mesti dimainkan secara kolektif daripada semua pihak yang berautoriti untuk memperkenalkan amalan pengubatan Islam yang sebenar dan menepati prinsip akidah serta syariat Islam.

Kata kunci: *Pakar Pengubatan Islam, Kes Jenayah Sihir*

Pendahuluan

Garis panduan ini disediakan ekoran daripada berleluasanya amalan dan aktiviti perbomohan dalam masyarakat yang menyebabkan masyarakat keliru antara pengubatan Islam dengan pengubatan perbomohan. Di antara aspek yang dieksplorasikan ialah kaedah rawatan perbomohan, penggunaan bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa tertentu semasa sesi rawatan perbomohan dan seumpamanya, yang sebahagian besarnya termasuk dalam perkara mencemarkan kesucian agama Islam, pemujaan salah, dan khurafat serta bercanggah dengan akidah Islam. Aspek-aspek yang terdapat dalam garis panduan ini adalah meliputi perkara-perkara yang berhubung dengan konsep pengubatan Islam, ruqyah syar’iyyah, perawatan Islam. Garis panduan ini adalah merupakan perincian kepada Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam yang telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, pada tahun 2008.

Garis panduan pakar pengubatan Islam ini juga disediakan untuk memberi panduan kepada badan kehakiman Syariah seperti Jabatan Pendakwaan dan pihak hakim dalam menentukan pakar pengubatan Islam sebagai suatu keterangan pendapat pakar untuk diterimapakai dalam perbicaraan bagi kes jenayah sihir di mahkamah Syariah. Garis Panduan ini juga akan menjadi asas rujukan dan panduan kepada jabatan agama Islam negeri dan agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (JAKIM) berkaitan dengan pakar pengubatan Islam yang bertauliah.

Istilah dalam Garis Panduan Ini

Pengubatan Islam dapat diertikan sebagai satu bidang ilmu dan amalan yang berdasarkan ilmu sains perubatan yang terkandung dalamnya paradigma, konsep, nilai, tatacara ujian serta rawatan yang selaras dan tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah (Zulkifli al-Bakri, 2011). Ruqyah Syar'iyyah ditakrifkan sebagai:

- (a) *Ruqyah* pula merupakan kaedah asas dalam pengubatan Islam. Pengertian *ruqyah* pada dasarnya adalah memohon perlindungan daripada Allah s.w.t untuk melindungi orang yang terkena penyakit serta melindungi diri daripada tipu daya syaitan.
- (b) Perkataan *ruqyah* daripada segi bahasa adalah bermaksud memohon perlindungan daripada Allah s.w.t. *Jama'* kepada perkataan “*ruqyah*” adalah “*ruqa*”. *Ruqyah* juga dapat diertikan sebagai jampi atau mantera” (al-Fayyumi, 1977).
- (c) Definisi *ruqyah* daripada segi istilah syarak pula adalah tidak begitu berbeza dengan makna daripada segi bahasa (al-Fairuz Abadi, 2008).
- (d) Pengertian *ruqyah* dari segi syarak juga adalah perlindungan yakni doa yang diucapkan untuk memohon kesembuhan (al-'Azim Abadi, 1987).

“Ruqyah Syar’iyyah” bermaksud mendefinisikan *ruqyah* secara hakiki adalah jenis-jenis doa dan tawassul yang mengandungi permohonan kesembuhan kepada Allah bagi orang yang sakit dan hilangnya penderitaan daripada badannya (Sa’ad Shadiq Muhammad, 1968). “Akidah” bermaksud pegangan ataupun kepercayaan dalam agama Islam berdasarkan akidah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Garis Panduan Ruqyah Syar’iyyah

1. Syarat-Syarat *Ruqyah Syar’iyyah* Dalam Pengubatan Islam

Menurut para ilmuwan Islam bahawa terdapat tiga syarat utama sebagai mekanisme pengiktirafan sesuatu amalan *Ruqyah Syar’iyyah* itu bertepatan dengan syarak. Tiga syarat utama tersebut adalah pertama; *ruqyah* tersebut dan prosesnya tidak mengandungi unsur-unsur syirik dan maksiat. Kedua; teks bacaan *ruqyah* tersebut adalah dalam bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maksudnya. Ketiga; tidak meletakkan keyakinan bahawa zat *ruqyah* itu sendiri yang meninggalkan kesan penyembuhan kecuali hakikatnya adalah dengan sebab keizinan daripada Allah s.w.t.

2. Rukun-Rukun *Ruqyah* Dalam Perubatan Islam

Terdapat empat rukun yang menjadi teras dalam proses dan pelengkap kepada perlaksanaan pengubatan Islam secara *ruqyah* iaitu perawat selaku individu pelaksana *ruqyah*, pesakit

selaku individu yang dilakukan *ruqyah* terhadapnya, penyakit yang menyebabkan *ruqyah* dilakukan dan perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah* (al- Jaza', 2006).

A. Rukun Pertama: Perawat Selaku Individu Pelaksana *Ruqyah*

Perawat selaku individu pelaksana *ruqyah* merupakan pengamal pengubatan Islam. Pengamal pengubatan Islam boleh terdiri sama ada daripada pesakit sendiri (yang mengamalkan *ruqyah* dalam merawat dirinya sendiri) atau orang lain yang bukan pesakit. Identiti pengamal pengubatan Islam tersebut adalah bertepatan dengan tindakannya melakukan *ruqyah* dengan suatu jampi bertujuan untuk meminta perlindungan dalam doanya serta menghembuskan nafas. Seterusnya terdapat tiga aspek perbincangan berkaitan pengamal pengubatan Islam dalam kalangan ilmuwan Islam iaitu syarat-syarat pengamal pengubatan Islam, adab pengamal pengubatan Islam dan klasifikasi pengamal pengubatan Islam (al-Jaza', 2006).

B. Rukun Kedua: Pesakit selaku individu yang dilakukan *ruqyah* terhadapnya

Pesakit ialah individu yang difokuskan ke atasnya bacaan sama ada ruqyah sebelum terjadinya penyakit atau selepas terjadinya penyakit. Pada dasarnya terdapat lima syarat yang perlu dihayati oleh seseorang pesakit sewaktu menjalani sesi rawatan ruqyah iaitu (al-Jaza', 2006):

- 1) Berpegang teguh dengan akidah dan syariat Islam.
Syarat ini merangkumi dua bahagian, iaitu bahagian pertama; berpegang teguh daripada segi akidah Islam iaitu pesakit mempunyai keyakinan yang mutlak bahawa tiada apa yang dapat mendatangkan kebaikan muhu pun kemudaratan melainkan dengan keizinan Allah s.w.t yang Maha Esa yang tiada sekutu bagiNya. Justeru pesakit yang diruqyah tidak boleh menganggap secara muktamad bahawa kesembuhan dan terselamat daripada musibah dapat terjadi sekadar dengan ruqyah sahaja (al-Jaza', 2006). Bahagian kedua; berpegang teguh daripada segi syariat Islam seperti pesakit memelihara serta menunaikan solat. Ini adalah kerana solat berfungsi sebagai tiang agama, pembuka pintu rezeki, pemangkin kepada kesihatan yang baik, perlindungan daripada ditimpa penyakit, pengubat penyakit, penguat kepada hati, menyerikan wajah, menggembirakan jiwa manusia, menjauhkan diri daripada syaitan dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.
- 2) Pergantungan kepada Allah s.w.t. Pesakit menyedari pengubatan dengan doa yang bergantung kepada Allah lebih memberi kebaikan berbanding rawatan dengan ubat-ubatan sahaja. Niat yang benar perlu dihayati oleh kedua-dua pihak iaitu pesakit dan pengamal ruqyah. Hati kedua-dua pihak dikehendaki

bergantung kepada Allah disertai ketakwaan dan tawakal kepadaNya.

- 3) Pesakit memahami dengan teguh tentang ketetapan bahawa al-Quran merupakan penyembuh, rahmat dan penawar yang berkesan.
- 4) Seorang pesakit perempuan tidak boleh menjalani rawatan ruqyah dengan pengamal ruqyah ajnabi seorang diri tanpa mahram.
- 5) Pesakit yang diruqyah tidak boleh tergesa-gesa untuk disegerakan kesembuhannya kerana ruqyah adalah salah satu daripada bahagian-bahagian doa.

C. Rukun Ketiga: Penyakit yang menyebabkan ruqyah dilakukan

Menurut al-Jaza' (2006), penyakit merupakan faktor yang menyebabkan ruqyah perlu dilakukan. Pada dasarnya penyakit yang dapat diruqyah terbahagi kepada dua kategori iaitu penyakit jasmani dan penyakit rohani. Penyakit jasmani ditemui asasnya dalam al- Quran berdasarkan ayat 82 dalam Surah al-Isra' iaitu:

وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ
الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: "Dan kami (Allah) turunkan daripada Al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah

menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian”.

Manakala penyakit rohani merupakan maksiat hati yang tercela seperti penyakit jahil, sifat penakut, bakhil, dan munafik. Asas kepada kewujudan penyakit ini dapat ditemui dalam sepotong ayat al-Quran iaitu ayat 10 dalam surah al-Baqarah. Allah berfirman:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمْ أَللَّهُ مَرَضًا

Maksudnya: “Dalam hati mereka ada penyakit, lalu Allah menambah penyakit mereka itu.”

Penyakit jasmani adalah sejenis penyakit yang menimpa tubuh badan manusia kesan daripada kuman, virus atau lumpuh salah satu anggota badan atau semua anggota badan yang kesemuanya disebabkan oleh faktor fizikal. Manakala Samahat (1996) menerangkan bahawa penyakit rohani pula merangkumi pertembungan unsur-unsur kerohanian diluar badan pesakit dan kerohanian dalam badan pesakit sendiri yang menyebabkan pesakit dapat ditakluki (sakit). Fenomena penyakit kerohanian kebiasaanya berasaskan gangguan daripada jin.

Selain itu, menurut Samahat (1996) terdapat lapan jenis penyakit berpunca daripada gangguan jin sebagaimana berikut:

- 1) Jin menakut-nakutkan manusia sehingga mereka merasa gerun kepada jin.

- 2) Penyakit psikologi dan penyakit saraf.
- 3) Penyakit fizikal.
- 4) Menjadikan mata manusia boleh melihat benda yang tidak sepatutnya mereka nampak serta menjadikan manusia berhalunisasi.
- 5) Mencetuskan dendam kesumat, permusuhan, kemarahan dan perpecahan antara dua orang yang memiliki sesuatu ikatan pertalian.
- 6) Penyakit yang khusus bagi wanita.
- 7) Penyakit kelamin.
- 8) Gangguan jin di tempat tinggal manusia seperti kediaman dan lain-lain.

Al-Syamrani (1998) menyatakan bahawa pada dasarnya pengamal ruqyah dikehendaki membezakan antara penyakit fizikal atau penyakit rohani yang disebabkan gangguan jin. Ianya supaya rawatan yang sesuai dan lebih efektif dapat dilakukan terhadap pesakit. Lazimnya pesakit yang dibuktikan dengan pemeriksaan klinikal adalah mengalami simptom-simptom penyakit jasmani, maka dinasihatkan untuk merujuk kepada rawatan Allopati di hospital-hospital dan klinik-klinik terlebih dahulu. Manakala pesakit yang dibuktikan mengalami penyakit yang bukan disebabkan penyakit anggota badan serta jelas menunjukkan tanda-tanda

terkena gangguan jin seperti sihir maka ianya dikehendaki menjalani sesi rawatan ruqyah.

Namun begitu, al-Jaza' (2006) menyatakan bahawa berdasarkan historikal kes-kes dalam perubatan Islam, terdapat tiga bidang penyakit yang dapat mengaplikasikan rawatan secara ruqyah. Bidang pertama adalah penyakit-penyakit psikologi (minda dan kesihatan mental). Bidang kedua adalah penyakit yang belum diketahui ubatnya atau tidak berjaya diubati (seperti HIV dan ketagihan dadah). Bidang ketiga adalah aplikasi rawatan ruqyah serentak dengan perubatan moden dalam merawat pelbagai penyakit jasmani pesakit.

D. Rukun Keempat: Perkara yang digunakan dalam rawatan ruqyah

Menurut al-Jaza' (2006), perkara yang digunakan dalam rawatan ruqyah adalah bersesuaian dengan spesifikasi rawatan ini yang berbentuk ketuhanan dan tidak bersifat semulajadi. Justeru itu, Ibnu al-Syasy (2003) menyatakan perkara yang digunakan sebagai inti pati dalam rawatan ruqyah adalah terdiri daripada bacaan ayat-ayat suci al-Quran yang merupakan kalam Allah s.w.t, juga penggunaan nama-nama Allah s.w.t, segala apa yang digunakan oleh Nabi s.a.w dan yang seumpama dengannya. Justeru al-Jaza' (2006) menyelaraskan kesimpulannya bahawa perkara yang digunakan dalam

rawatan ruqyah adalah ditetapkan terdiri daripada ayat-ayat Allah s.w.t Yang Mulia, dan doa-doa yang merujuk kepada nama Allah s.w.t (al-Asma al-Husna) dan sifat-sifatNya yang tinggi dan menjadikan hanya Allah s.w.t satu-satunya sumber untuk meminta pertolongan dan memohon perlindungan tanpa terkecuali. Contoh bacaan utama doa ruqyah bersumberkan al-Quran adalah bacaan ayat al-Kursi, surah al-Fatihah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah al-Nas. Manakala contoh doa-doa yang sabit daripada Rasulullah s.a.w ialah:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ ، مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ.

أخرجه البخاري : كتاب أحاديث الأنبياء ، باب قوله تعالى (واتخذ الله إبراهيم خليلا) ، حديث (3371) عن ابن عباس رضي الله عنهما وانظر : تفسير القرطبي (9 / 226).

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ عَصَبَيْهِ وَعَقَابِهِ وَشَرِّ عَبَادِهِ وَمِنْ هَزَازِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَخْضُرُونَ .

أخرجه الترمذى : كتاب الدعوات عن رسول الله ، حديث (3528) وأبو داود : كتاب الطب ، باب كيف الرقى ، حديث (3893) وفيه " النامة " وأحمد في مسنده (6657) والحاكم في مستدركه (1 / 733) وقال : " صحيح الإسناد متصل " وانظر : التمهيد (24 / 109) عن عبد الله بن عمرو العاص رضي الله عنهما.

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (۳ کالی)

أخرجه مسلم : كتاب الذكر والدعاء والتوبة والاستغفار ، باب في التعوذ من سوء القضاء ودرك الشقاء وغيره ، حديث (2708) من حديث خولة بنت حكيم رضي الله عنها .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَصُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (٣ كالي)

أخرجه أبو داود : كتاب الأدب ، باب ما يقول إذا أصبح ، حديث (5088) والترمذى
: كتاب الدعوات عن رسول الله ، باب ما جاء في الدعاء إذا أصبح وإذا أمسى حديث
(3388) وابن ماجه : كتاب الدعاء ، باب ما يدعوه به الرجل إذا أصبح وإذا أمسى
، حديث (3869) والحاكم في المستدرك (1 / 695) وقال " صحيح الإسناد ولم
يخرجاه " والضياء في المختارة (1 / 434).

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ ، كَلَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعُفْوَ
وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايِي وَأَهْلِي وَمَالِي ، كَلَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْزِي ، وَآمِنْ
رَوْعَتِي ، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيِّ وَمَنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شَمَائِيلِي
، وَمِنْ فَوْقِي ، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُعْتَالَ مِنْ تَحْتِي .

أخرجه أبو داود : كتاب الأدب ، باب ما يقول إذا أصبح ، حديث (5074)
والسائلى : كتاب الاستعاذه ، باب الاستعاذه من الخسف ، حديث (5529) وابن
ماجه : كتاب الدعاء ، باب ما يدعوه به الرجل إذا أصبح وإذا أمسى ، حديث (3871) وأحمد في مستنه (4770) والحاكم في مستدركه (1 / 698)

3. Etika Pengamal Pengubatan Islam

Menurut al-Jaza' (2006), terdapat 11 adab yang dikehendaki untuk diamalkan oleh pengamal pengubatan Islam atau peruqyah yang patuh Syariah. Etika-etika tersebut adalah seperti berikut iaitu pengamal pengubatan Islam dikehendaki :

- 1) Menjadi contoh teladan kepada masyarakat.
- 2) Memikul tanggungjawab dakwah yang diamanahkan oleh Allah s.w.t.
- 3) Melayan pesakit dengan baik hati dan lembut.
- 4) Menggembirakan hati pesakit.
- 5) Memohon pertolongan dengan cara solat.
- 6) Bertanggungjawab tidak memanggil syaitan untuk bercakap dengannya sewaktu sedang melaksanakan sesi rawatan ruqyah terhadap pesakit.
- 7) Tidak tamak pada harta manusia.
- 8) Bacaan kepada setiap pesakit secara berasingan.
- 9) Pengamal pengubatan Islam atau peruqyah dikehendaki terdiri daripada ahli ilmu.
- 10) Yakin kepada pengalaman peribadi.
- 11) Mengkhususkan kaum wanita dengan pengamal pengubatan Islam atau peruqyah wanita.

4. Syarat Pengamal Pengubatan Islam

Menurut al-Jaza' (2006), terdapat 21 syarat yang dapat membina jati diri, membentuk identiti dan menerapkan karekteristik pengamal ruqyah yang mematuhi kehendak syariat

dan mencapai keredhaan Allah s.w.t. Syarat-syarat tersebut adalah:

- 1) Islam. Pengamal ruqyah dikehendaki seorang yang beragama Islam dan bukannya kafir, kerana proses ruqyah memerlukan pertolongan Allah s.w.t dan berpegang teguh dengan ajaranNya.
- 2) Berbuat baik, istiqamah dan bertakwaPengamal ruqyah dikehendaki terdiri dalam kalangan orang yang dikenali suka berbuat amal kebajikan, istiqamah, bertakwa dan menjaga solat serta ibadatnya.
- 3) Kepercayaan akidah yang teguh pengamal ruqyah dan mereka yang terlibat dikehendaki mengetahui dengan yakin bahawa segala kebaikan mahu pun keburukan berada dalam kekuasaan Allah s.w.t.
- 4) Bacaan ruqyah dalam bahasa Arab, atau bahasa lain yang difahami maksudnya, kerana jika maknanya tidak difahami dikhuatiri terjerumus kepada kesyirikan.
- 5) Ikhlas kerana Allah s.w.t dan mempunyai niat yang baik kerana keikhlasan tersebut berpotensi menjadikan bacaan ruqyah berkesan dan mujarab dengan izin Allah s.w.t.
- 6) Mengikuti Sunnah Nabi s.a.w dan bukan pembaharuan yang terlarang Pengamal pengubatan Islam dikehendaki berpegang dan mengikuti Sunnah Nabi s.a.w daripada segi akhlak, keperibadian dan luarannya.

- 7) Memelihara pemakanan yang halal dan menghindari harta yang haram atau syubhah. Pemakanan yang halal adalah salah satu daripada sebab kemakbulan doa dan ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan ruqyah yang juga merupakan salah satu bentuk daripada kaedah dalam berdoa.
- 8) Mempunyai ilmu pengetahuan tentang selok belok ilmu pengubatan Islam seperti jenis dan bentuk gangguan jin dan hal ehwal berkaitan dengannya serta menguasai ilmu asas berkaitan tipu daya jin. Ilmu yang mencukupi tentang perkara ini dapat membina karektor pengamal pengubatan Islam yang kuat untuk menghadapi gangguan jin, tidak terpengaruh dengan tipu daya atau ugutan jin serta memahami bahawa tipu helah makhluk halus seperti jin adalah lemah.
- 9) Pengamal pengubatan Islam tidak berada dalam keadaan yang diharamkan seperti dalam keadaan junub atau berada di perkuburan atau menyerupai keadaan-keadaan yang diharamkan.
- 10) Tidak menggunakan khidmat jin. Penggunaan jin sekalipun jin Islam adalah berpotensi untuk menyebabkan hati pengamal pengubatan Islam cenderung untuk bergantung kepada jin tersebut dan mengabaikan pergantungan yang kuat kepada Allah s.w.t.
- 11) Mengetahui ruqyah-ruqyah daripada ayat al-Quran dan doa-doa Nabi s.a.w daripada hadith seperti surah al-

Fatihah, awal dan akhir surah al-Baqarah, awal dan akhir surah ali-‘Imran, ayat kursi, dan akhir surah al-Taubah surah al-Falaq dan surah al-Nas, surah al-Ikhlas, dan sebagainya.

12) Pengamal pegubatan Islam dikehendaki memperbaiki bacaan al-Quran, iaitu memahami dan menghayati maksud bacaan. Tidak cukup hanya dengan sebutan bacaan, pengamal pengubatan Islam sepatutnya menghayati makna ayat bacaan ruqyah yang dibaca sehingga memberi kesan kepada jiwanya.

13) Pengamal pengubatan Islam tidak menggunakan perkataan yang diharamkan seperti mencaci, memaki, melaknat berhujahkan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t tidak menyembuhkan penyakit dengan perkara yang haram termasuk perkataan berbentuk negatif.

14) Membacakan ruqyah dengan suara yang jelas (dapat didengari) dan tidak menyembunyikan ruqyah dengan suara yang samar-samar kerana ruqyah tidak boleh dilakukan melainkan ianya disebut dengan bacaan yang diketahui dan difahami maksudnya.

15) Bersih daripada hadas besar dengan mandi wajib dan daripada hadas kecil dengan sebaik-baiknya.

16) Menghembuskan nafas, iaitu meludah dengan sedikit air liur dalam erti kata adalah lebih sikit air tersebut daripada ludahan yang sebenar.

- 17) Pengamal pengubatan Islam tidak borseorangan dengan wanita, tidak boleh menyentuh apa-apa pun pada mana-mana bahagian badannya dengan alasan untuk bacaan ruqyah. (Terdapat pengecualian dalam hal ini berdasarkan lain-lain pandangan ilmuwan Islam)
- 18) Menyembunyikan rahsia pesakit dan menjaga amanah berkaitan dengannya iaitu tidak mendedahkan aurat pesakit kepada sesiapapun dan tidak menyebut namanya.
- 19) Mengetahui latar belakang pesakit dan penyakit. Mengenal pasti latar belakang penyakit adalah sebahagian daripada proses rawatan. Pengamal ruqyah dikehendaki menyelidiki keadaan pesakit, sebab-sebab sakit dan persekitarannya supaya rawatan yang terbaik dan bersesuaian dapat diberikan.
- 20) Tidak mendedahkan penemuan rawatan kepada pesakit yang dirasuk atau disihir iaitu sebelum dirawat serta selepas dirawat, sama ada jin telah keluar sepenuhnya atau telah dimusnahkan.
- 21) Konsisten Mengamalkan Zikir dan Doa-doa yang sahih.

Oleh itu, kesemua 21 syarat di atas adalah disusun berdasarkan pengaruh agama Islam yang mementingkan maruah dan kemuliaan profesion pengamal pengubatan Islam dalam dunia pengubatan Islam yang membabitkan dasar serta prinsip ilmu akidah, feqah dan tasawuf.

5. Perawatan

Istilah ‘rawat’ menurut Kamus Dewan ialah tabib kampung yang mengubati orang sakit dengan menggunakan cara tradisional atau cara kampung dan jampi- jampi. Oleh itu istilah ‘perawatan’ di sini adalah bermaksud sebarang aktiviti berkaitan dengan pengubatan yang dilakukan oleh seseorang perawat.

A. Prinsip-prinsip Perawatan dan Matlamatnya

- 1) Matlamat perawatan hendaklah bagi tujuan kebaikan, seperti untuk memberi kesihatan kepada tubuh badan, kerukunan rumahtangga dan hidup bermasyarakat. Adalah dilarang sama sekali bagi tujuan membalas dendam, membuat aninya, menakut-nakutkan ataupun mengugut orang lain.
- 2) Setiap individu atau kumpulan tidak boleh mendakwa bahawa perawatannya bersumber daripada Nabi Muhammad SAW., para Nabi atau diambil daripada al-Quran dan al-Hadith atau berasal daripada amalan para sahabat Nabi SAW. atau lain-lain, tanpa mengemukakan bukti yang kukuh berdasarkan nas al- Quran dan al-Hadith.

B. Etika dan Tatasusila Amalan Perawatan

- 1) Perawat tidak boleh mendakwa dan mengaitkan sesuatu musibah adalah akibat daripada angkara

kejahatan makhluk ghaib.

- 2) Perawat tidak boleh takbur dan tidak boleh menganggap orang lain lemah dan lekeh.
- 3) Perawat hendaklah melarang pesakitnya memuja, mengagung dan taksub kepadanya.
- 4) Perawat hendaklah mengikut adab sopan dan tata tertib Islam ketika menolong seseorang sama ada bersendirian atau bersama pesakit.
- 5) Perawat hendaklah menjaga kesopanan tatsusila dan adab-adab sebagai seorang Islam.
- 6) Perawatan tidak boleh dikaitkan dengan zat Allah dan sifatNya atau merupakan maksud di sebalik kalimah atau nama-nama Allah atau sifat-sifatNya seperti mengatakan ilmu rawatan itu diterima terus dari Allah s.w.t atau kudratnya adalah kudrat Allah s.w.t, atau melalui mimpi berjumpa wali, malaikat atau lainnya.
- 7) Amalan perawatan tidak boleh diertikan sebagai maksud yang tersirat daripada diri atau jasad dan roh Rasulullah s.a.w., para malaikat, nabi-nabi dan orang soleh seperti ‘Nur Muhammad’ menjelma ke dalam diri, dan sebagainya.
- 8) Perawat tidak boleh memuja dan memperhambakan diri kepada sesuatu kuasa atau peribadi yang dipercayai boleh mendatangkan nasib baik atau buruk kepada seseorang seperti wali syeikh, rijal al

ghaib, roh datuk nenek, sahabat, hantu, dewa, keramat, kubur, keris, busur, batu, kayu, cincin, kain kuning dan lain-lain.

- 9) Perawat tidak boleh menggunakan tangkal dan azimat yang mengandungi rajah- rajah atau tulisan-tulisan yang tidak difahami dan bercampuraduk dengan ayat- ayat suci al-Quran dan tidak menganggap bahawa tangkal mempunyai kuasa.
- 10) Perawat tidak boleh mengamalkan bacaan-bacaan tertentu yang tidak difahami maknanya kerana dikhawatir mengandungi kata-kata pemujaan kepada berhala, iblis, syaitan atau nama berhala orang kafir atau bercampuraduk dengan ayat- ayat al-Quran.
- 11) Perawat tidak boleh membaca mana-mana ayat al-Quran secara songsang.
- 12) Perawat tidak boleh menggunakan kitab al-Quran secara tidak wajar, seperti syarat; menggantung al-Quran dan tunggu berpuasing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu jika berpuasing begini dan jika tidak, begini pula maksudnya. Semua ini termasuk menghina al-Quran (Istihza').
- 13) Perawat tidak boleh meninggalkan ibadat wajib yang dituntut di dalam Islam seperti sembahyang lima waktu dan ibadat lainnya ketika melakukan perawatan.

- 14) Perawat tidak boleh mengamalkan perbuatan ‘menurun’, memanggil roh orang mati atau sebagainya dalam kaedah perawatan.

C. Syarat Ruqyah atau jampi ayat al-Quran dibolehkan

Menurut al-Jaza' (2006), terdapat tiga syarat atau kriteria dibolehkan ruqyah atau jampi:

- 1) Menggunakan ayat-ayat suci al-Quran (kalam Allah s.w.t atau nama-namaNya dan sifat-sifatNya atau apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w).
- 2) Menggunakan bahasa yang dapat difahami (ucapan bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maksudnya).
- 3) Jangan mengiktikadkan bahawa jampi itu yang memberi kesan sehingga si pesakit sembah daripada penyakitnya, sebaliknya Allah s.w.t yang berkuasa (Tiada unsur-unsur syirik).

D. Hukum perawatan Islam

Hukum mengamalkan perawatan adalah harus, dengan syarat ianya tidak mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak. Dalam sejarah Islam, memang wujud cara pengubatan tertentu sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Selain daripada cara-cara biasa, mereka juga menggunakan doa-doa, khusus bagi mengubati penyakit-penyakit tertentu.

Walau bagaimanapun, penggunaan tangkal adalah haram dan syirik jika mengandungi perkataan-perkataan yang tidak dapat difaham maknanya, atau berdasarkan kepada sihir, atau yang memuja hantu syaitan dan jin iblis, atau yang mengandungi benda-benda yang najis atau kotor. Namun begitu, menggunakan Kalamullah, namaNya atau sifatNya atau zikrullah adalah tidak salah.

Larangan penggunaan tangkal adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW.; Maksudnya; “*Dari Ibnu Masud r.a. katanya; Rasulullah s.a.w. bersabda “Sesungguhnya jampi serapah, tangkal, ilmu guna-guna (ilmu pengasih untuk menambatkan hati suami kepada isterinya atau hati isteri kepada suaminya) adalah syirik”.* (Riwayat Abu Daud dan Imam Ahmad)

6. Amalan Sihir & Hukum Beramal dengan Sihir

‘Sihir’ menurut bahasa ialah sesuatu yang halus dan tersembunyi, manakala dari segi istilah adalah merujuk kepada hal-hal luarbiasa yang jarang dapat difahami oleh manusia, tersembunyi sebab-sebabnya serta perbuatan itu dilakukan secara berselindung dan tipu daya dengan memohon pertolongan daripada syaitan. Ia juga didefinisikan sebagai perkara luarbiasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib), yang melibatkan makhluk halus dan bercanggah dengan syarak.

Islam menentang keras amalan sihir dan perbuatan yang dilakukan oleh tukang-tukang sihir. Hukum percaya dan mengamalkan ilmu sihir adalah haram dan berdosa besar, berdasarkan hadis Nabi s.a.w. Maksudnya; “*Jauhilah tujuh perkara besar yang merosakkan. Para sahabat bertanya: apakah tujuan perkara itu, ya Rasulullah? Jawab Nabi, iaitu: 1) menyengutukan Allah, 2) sihir, 3) membunuh jiwa yang Allah haramkan kecuali kerana hak, 4) memakan harta riba, 5) memakan harta anak yatim, 6) lari daripada peperangan, 7) menuduh perempuan-perempuan baik, yang pandai menjaga dirinya dan beriman*”.(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Haramnya sihir tidak hanya terbatas kepada menjadi tukang sihir semata-mata, malah meliputi setiap individu yang percaya terhadap apa yang diperkatakan oleh tukang-tukang sihir. Di antara perbuatan keji tukang-tukang sihir adalah memisahkan hubungan suami isteri, mengganggu seseorang, dan menimbulkan suasana tidak tenteram dalam masyarakat.

Oleh itu, adalah dilarang sama sekali menggunakan khidmat bomoh atau tukang sihir yang terlibat dengan penggunaan khadam jin dan amalan sihir dalam proses rawatan di kalangan masyarakat. Hal demikian kerana kerana dikhuatiri mendorong ke arah berlakunya amalan yang bercanggah dengan akidah dan syariat serta perbuatan zalim terhadap sesama manusia.

Kesimpulan

Garis Panduan ini diharap akan dapat memberikan panduan kepada jabatan agama Islam negeri, badan kehakiman serta semua pihak, dalam usaha mengenalpasti pakar pengubatan Islam berdasarkan prinsip dan nilai-nilai agama yang luhur, mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Daftar Pustaka

- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 1994, *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Fairuz Abadi, Muhamad bin Ya'aqub. 2008. *Al-Qamus al-Muhit..* Beirut: Mu'asasat al-Risalat.
- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Muqri. 1977.
- Al-Jaza', Muhammad Salih. 2006. *Al-Ahkam al-Fiqhiyyah fi al-Ruqyah al-Syar'iyyah*. t.tp: Dar al-Andalus li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Suhaimi, Fahad bin Dawyan bin 'Awad. 1998. *Ahkam al-Ruqa wa al-Tama'im*. al- Riyad: Maktabat Adwa' al-Salaf.
- Al-Syamrani, Salih bin 'Abd Allah. 1998. *al-Durar al-Hisan fi 'Ilaj al-'Ayn wa al-Sihr wa Mas al-Jann*. t.tp: t.pt.
- Al-Syawkanī, Muhamad bin 'Ali. t.t. *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Kaherah: Maktabat Dar al-Turath.
- Garis Panduan Amalan Perubatan Islam*. 2011. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Ibn al-Qayyim, Syams al-Din Muhammad bin Abi Bakr al-Dimasyqi. t.t. *al-Tib al- Nabawi*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Ibn al-Athir, al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari. t.t. *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: Maktabat al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Manzur, Abi al-Fadl Muhammad t.t. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. t.t. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad. 1992. *Majmu' al-Fatawa*. Jeddah: Dar al-Manar.
- Ibnu al-Syasy, Jalal al-Din 'Abd Allah bin Najm. 2003. 'Aqd al-Jawahir al-Thaminah fi Mazhab 'alam al-madinah, Beirut: Darul Gharb al-Islami. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Muslim, al-Hajaj bin Muslim al-Qusyairi. t.t. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Sa'ad Sadiq Muhammad. 1968. *Sara' Bayn al-Haq wa al-Batil*. Riyad: Dar al-Liwa' li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Samahat, Riyad Muhammad. 1996. *Dalil al-Mu'alijin bil Quran*. Al-Azhar: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Syed Hadrrullathfi Syed Omar. 2015. Pengubatan Islam: Kaedah Rawatan. Kertas Kerja Simposium Perubatan dan Amalan Khurafat Dalam Masyarakat Islam Peringkat Kebangsaan. Anjuran Uiniversiti Sains Islam Malaysia. Nilai. Negeri Sembilan, 22 Mac.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2011. Perubatan Alternatif Mengikut Perspektif Islam: Satu Tinjauan. Kertas Kerja Seminar Islam Semasa dan Pengislaman Ilmu (Perubatan Alternatif: Amalan dan Kepercayaan Berdasarkan Prinsip-Prinsip Islam. Anjuran JAIS, Shah Alam. Selangor, 3 November.